


<b>Headline</b>	<b>Pokok kebangsaan pupuk semangat cinta hutan</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Utusan Borneo Sarawak</b>		
<b>Date</b>	26 Jun 2018	<b>Color</b>	Black/white
<b>Section</b>	News	<b>Circulation</b>	32,799
<b>Page No</b>	A2	<b>Readership</b>	98,397
<b>Language</b>	Malay	<b>ArticleSize</b>	591 cm <sup>2</sup>
<b>Journalist</b>	Erda Khursyiah Basir	<b>AdValue</b>	RM 2,203
<b>Frequency</b>	Daily (EM)	<b>PR Value</b>	RM 6,608



# Pokok kebangsaan pupuk semangat cinta hutan

Oleh Erda Khursyiah Basir

**MALAYSIA** memang kaya dengan pelbagai khazanah hutan termasuk pokok yang mempunyai nilai komersial seperti cengal, jati, jelutong dan meranti.

Tumbuh meliar di dalam hutan negara juga terdapat spesies pokok karas (nama saintifik *Aquilaria malaccensis*) yang menjadi buruan kerana batangnya mengeluarkan minyak gaharu yang turut mendapat permintaan antarabangsa.

Mungkinkah antara pokok yang disebut ini boleh dinobatkan sebagai pokok kebangsaan Malaysia?

“Setakat ini kita tak ada pokok rasmi atau pokok kebangsaan. Kita hanya ada Bunga Raya sebagai bunga kebangsaan.

“Jika ada pokok kebangsaan, secara tak langsung kita akan ada ikon untuk menyemarakkan semangat bumi hijau. Kita akan ada simbol yang lebih kuat, segar dan ‘hidup’ dalam usaha memelihara dan memulihara hutan di negara ini,” demikian menurut Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Datuk Dr Abd

Latif Mohmod kepada Bernama baru-baru ini. Beliau ditemui sempena sambutan Hari Hutan Antarabangsa (IDF) Peringkat FRIM dan penubuhan Taman Sinonim di Stesen Penyelidikan FRIM (SPF) Selandar, Melaka pada 3 April lepas.

## AMBIL IKTIBAR

Hari Hutan Antarabangsa disambut pada 21 Mac setiap tahun dan tema sambutan untuk 2018 ialah ‘Hutan dan Kelestarian Bandar’.

Pengisytiharaan Hari Perhutanan Sedunia dipersetujui Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu pada 21 Mac, 1972 dalam usaha untuk menyedarkan masyarakat mengenai kepentingan hutan, pemeliharaan dan pemuliharaannya untuk kesejahteraan masyarakat dan kestabilan alam sekitar.

Kita juga sering dengar ungkapan ‘hutan nadi kehidupan’.

Hutan di Malaysia bukan sahaja kaya dengan pelbagai spesies flora dan fauna bahkan terkenal dengan sumber asli yang tinggi nilainya

termasuklah menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara.

Keunikan hutan negara ini yang menjadi tarikan kepada pelancong luar turut menjadikan inisiatif memperkenalkan pokok kebangsaan sememangnya wajar.

Sesuatu yang mengejutkan malah mungkin menjadi ‘tamparan’ kepada rakyat negara ini apabila negara luar bertindak memperkenalkan pokok rasmi mereka yang sebenarnya ‘lebih dekat’ di hati rakyat Malaysia.

“Wilayah Guam di Amerika Syarikat menjadikan pokok Merbau Ipil (dari spesies Merbau) atau nama saintifiknya ‘Intsia bijuga’ sebagai pokok rasmi mereka. Sedangkan pokok Merbau sebenarnya adalah tumbuhan yang banyak terdapat di hutan di Malaysia dan negara Asean lain, sayangnya kita tidak ambil inisiatif.

“Justeru, sempena hari hutan kali ini, kita berharap akan ada usaha ke arah itu (perkenal pokok kebangsaan). Kita ambil iktibar daripada situ, mudah-mudahan kerajaan akan memperkenalkan pokok

<b>Headline</b>	<b>Pokok kebangsaan pupuk semangat cinta hutan</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Utusan Borneo Sarawak</b>		
<b>Date</b>	<b>26 Jun 2018</b>	<b>Color</b>	<b>Black/white</b>
<b>Section</b>	<b>News</b>	<b>Circulation</b>	<b>32,799</b>
<b>Page No</b>	<b>A2</b>	<b>Readership</b>	<b>98,397</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>591 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>Erda Khursyiah Basir</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 2,203</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily (EM)</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 6,608</b>

rasmi Malaysia dalam masa terdekat," katanya.

### **KESEDARAN MENINGKAT**

Kesedaran masyarakat khususnya terhadap kepentingan menjaga hutan dan alam sekitar juga semakin baik.

Berbanding 10 tahun lepas, Abd Latif menganggarkan tahap kesedaran kini meningkat sehingga 60 peratus melihat kepada jumlah mereka yang datang ke FRIM bagi menjalankan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) seperti membersihkan sampah sarap dan sungai.

"Selain itu, semakin banyak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang membuat aduan mengenai isu alam sekitar termasuklah hutan.

"Ini secara tidak langsung menunjukkan yang mereka 'ambil tahu' dan sama-sama menjaga (alam sekitar)," katanya sambil menambah perubahan itu menyumbang kepada usaha yang lebih proaktif dalam melindungi alam sekitar terutama hutan sebagai khazanah negara.

Beliau pada masa sama turut menambah,

cadangan untuk memperkenalkan pendidikan alam sekitar sebagai mata pelajaran di peringkat tadika oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar menjelang 2019 diharap mampu meningkatkan usaha dalam memupuk minat dan menghargai alam sekitar dari peringkat kanak-kanak.

"FRIM juga berhasrat memperbanyakkan kawasan untuk tujuan penanaman pokok bagi mewujudkan lebih banyak spesies pokok terutama kategori yang kian terancam dan pupus, mendapatkan biji benih di samping boleh menjadi habitat kepada haiwan.

"Ini termasuk membaik pulih kawasan bekas lombong dan tanah terbiar untuk dibangunkan sebagai hutan. Kerjasama FRIM dengan Kerajaan Terengganu baru-baru ini sebagai contoh dalam mewujudkan pusat penyelidikan di Tasik Kenyir di Hulu Terengganu bertujuan memastikan pengurusan hutan semula jadi dan sumber perkayuan dapat dijalankan secara lestari," katanya.

Mengulas mengenai penubuhan Taman Sinonim di Stesen Penyelidikan

FRIM (SPF) Selandar, Abd Latif berkata ia bertujuan mengenangkan kepentingan pemuliharaan hutan serta memberi kesedaran kepada masyarakat umum tentang kewujudan nama-nama tempat yang sinonim dengan nama tumbuhan.

### **TAMAN SINONIM**

Ia juga diharap boleh menjadi sumber rujukan kepada semua pihak terutama generasi akan datang selain berpotensi menjadi tarikan pelancongan pada masa hadapan.

Taman Sinonim pertama yang ditubuhkan di negara itu mempunyai sebanyak 66 pokok daripada 33 spesies tumbuhan yang namanya sinonim dengan nama tempat di Melaka. Pokok berkenaan ditanam oleh peserta terdiri daripada wakil FRIM serta komuniti setempat.

Antara spesies yang ditanam termasuklah pokok Gapis yang merujuk kepada Kampung Gapis, Asahan; pokok Pulai merujuk kepada Kampung Pulai, Merlimau; pokok Merbau merujuk kepada Kampung Ayer Merbau, Bemban; pokok Salak merujuk kepada Kampung

Salak, Melaka Tengah; pokok Melaka merujuk kepada Negeri Melaka, Batang Melaka dan Pindah Melaka di Alor Gajah serta pokok Bidara merujuk kepada Tanjung Bidara di Masjid Tanah.

"Program ini adalah sebahagian daripada aktiviti CSR FRIM bersama komuniti setempat yang terdiri daripada guru-guru sekolah, penuntut institusi pengajian tinggi dan orang kampung. Selain sinonim dengan nama lokasi, spesies ini juga adalah antara yang terancam yang kita cuba selamatkan dengan menanamnya di SPF Selandar ini.

"Ini juga antara komitmen negara dalam menyelamatkan spesies pokok terancam kerana kita mahu kekal sebagai negara yang lestari dari aspek pengurusan hutan. Ia mungkin nampak mudah namun penting kerana masyarakat boleh 'belajar' di samping mengetahui kewujudan nama tempat berdasarkan nama tumbuhan," katanya sambil menambah inisiatif itu secara tidak langsung boleh mencatat rekod dunia kerana menjadi satu-satunya negara yang menanam pokok mengikut nama lokasi. — Bernama